

# Pelajar baharu UMSKAL perlu terokai bidang baru

NST 8.9.2018 7

OLEH JAINUDIN DJIMIN

**LABUAN:** Pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu terokai bidang dan ilmu baru sepanjang mereka mengikuti pengajian di kampus tersebut.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata pelajar baharu perlu merebut ruang dan peluang yang terhidang untuk mempelajari sesuatu yang baru selain fokus kepada pengajian yang mereka ambil.

Justeru itu, beliau mahu pelajar melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti yang diadakan termasuk bidang sukan, kokurikulum, keagamaan, sosial dan kemasyarakatan.

“Jangan lepaskan ruang dan peluang yang diberikan untuk pelajar baharu meneroka bidang dan ilmu baharu sepanjang berada di UMS Labuan.

“Sepanjang tiga hingga empat tahun, mereka wajar bergiat aktif dalam pelbagai bidang termasuk kepimpinan, keusahawanan dan menjalani aktiviti bersama masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan,”katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Amanat Pengarah UMSKAL dan Pengenalanan Pegawai UMSKAL dengan pelajar baharu di Dewan Utama, kelmarin.

Kira-kira 625 pelajar baharu telah mengesahkan untuk melanjutkan pengajian mereka di UMSKAL bagi sesi pengambilan akademik 2018/2019.



**HADIR....**Dr Murnizam (dua kiri) bersama Zaiton (dua kanan), Dr Geoffrey (kiri) dan Zamri (kanan) yang hadir pada majlis tersebut.

Daripada jumlah itu, 508 orang pelajar akan mengikuti pembelajaran di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) manakala 117 pelajar lagi di Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Turut hadir Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Zaiton Osman, Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang juga Pengarah Minggu Suai Mesra (MSM), Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah. Serta ketua-ketua Sektor.

Dr Murnizam berkata kehadiran pelajar dari Sabah, Sarawak dan Se-

menanjung itu juga turut membantu menjana ekonomi dan merancakkan lagi industri pelancongan tempatan.

Malah, katanya, kehadiran ibu bapa dan keluarga yang melawat mereka juga turut meningkatkan kuasa beli di wilayah ini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan pelajar supaya memberikan tumpuan terhadap tujuan utama mereka melanjutkan pengajian tinggi di UMS Labuan.

“Saya pasti harapan ibu bapa begitu tinggi yang mahu melihat anak mereka membawa pulang segulung ijazah dengan keputusan yang terbaik dalam bidang masing-masing” katanya.